

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (NASIONAL)

TARIKH: 17 DISEMBER 2019

MUKA SURAT: 10

Polis kesan sembilan individu bantu siasatan

SHAH ALAM - Polis sedang mengesan sembilan individu bagi membantu siasatan kes kematian anggota bomba, Allahyarham Muhammad Adib Mohd Kassim dalam insiden rusuhan di Kuil Sri Maha Mariaman USJ 25, Subang Jaya dekat sini pada 27 November 2018.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Huzir Mohamed berkata, kesemua individu itu ialah saksi di lokasi kejadian.

"Kita juga telah merakam sebanyak 31 keterangan saksi termasuk polis, pakar perubatan dan saksi lain," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Selangor di sini semalam.

Huzir berkata, pihaknya akan me-



**KES KEMATIAN
MUHAMMAD ADIB**

mohon Malaysian Medical Council untuk mendapatkan laporan pakar berhubung bedah siasat Muhammad Adib.

Pada 27 September lalu, Koroner Rofiah Mohamad memutuskan punca kematian

Muhammad Adib adalah akibat perbuatan jenayah oleh dua atau lebih individu yang tidak dikenali.

Muhammad Adib menghembuskan nafas terakhir di Institut Jantung Negara (IJN) pada 17 Disember tahun lalu selepas 21 hari bertarung nyawa.

Sepanjang prosiding inkuies bermula pada Februari lalu, seramai 30 saksi termasuk beberapa saksi pakar dan bapa Allahyarham, Mohd Kassim Abdul Hamid dipanggil beri keterangan.



Seramai sembilan saksi yang sedang di kesan pihak polis bagi membantu siasatan kes Muhammad Adib.